



ARAHAN PROSIDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENGURUSAN INDEKS PENYAKIT HAIWAN

No Dokumentasi : APTVM (16a/16b(1):2009

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN**MUKASURAT**

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

1.0	Pengenalan.....	1
2.0	Skop.....	1
2.1	Arahan.....	1
2.2	Prosidur.....	1
3.0	Definisi.....	2
4.0	Kata Singkatan.....	5
5.0	Arahan.....	6
5.1	Arahan Am.....	6
5.2	Arahan Pengurusan Indeks Penyakit.....	7
6.0	Prosidur.....	8
6.1	Pelaporan Penyakit.....	8
6.2	Pengesahan Indeks Penyakit.....	9
6.3	Penetapan Status Indeks Penyakit.....	10
6.4	Penutupan Indeks.....	11
	Carta Aliran Kerja Pengurusan Umum Indeks Penyakit.....	13

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR PENGURUSAN INDEKS PENYAKIT HAIWAN

Adalah menjadi tanggungjawab dan tugas perkhidmatan veterinar dalam mengawal dan membasmi penyakit haiwan. Untuk melaksanakan aktiviti tersebut dengan lebih tersusun dan berkesan, satu kaedah seragam diperlukan dan diamalkan di setiap peringkat perkhidmatan, bermula dari lapangan sehinggalah ke peringkat pusat. Setiap anggota yang terlibat dalam melaksanakannya harus mengetahui, memahami dan mengikut prosedur yang ditetapkan dan menggunakan satu bahasa yang sama dan mudah difahami.

Arahan prosidur tetap ini menerangkan Pengurusan Penyakit Haiwan mengikut sistem Indeks Penyakit Haiwan. Ianya bermula dari penerimaan aduan/laporan penyakit wajib lapor atau gejala penyakit-luar-kebiasaan diperingkat daerah dan seterusnya disampaikan ke Ibupejabat Perkhidmatan Veterinar melalui perkhidmatan veterinar negeri. Setiap penyakit wajib lapor yang telah disahkan akan didaftarkan sebagai **Indeks Penyakit**. Indeks penyakit merekodkan pengesahan, perkembangan penyakit dan langkah kawalan penyakit sehingga sesuatu lokasi yang terjangkit itu mencapai status bebas semula.

Setiap penyakit itu akan dipantau mengikut klasifikasi Indeks Penyakit melalui warna. Indeks penyakit ini memberi maklumat epidemiologi penyakit termasuk surveilan dan faktor-faktor risiko kejadian sesuatu penyakit itu. Matlamat utama sistem Indeks Penyakit ialah untuk mengawal dan membasmi sesuatu penyakit wajib lapor dan seterusnya berguna kepada perkhidmatan veterinar negeri dalam membuat keputusan dan mengawal pemindahan temakan/haiwan dengan lebih tersusun.

Pengurusan Indeks penyakit ini akan menjadi penting kerana ia merupakan satu kaedah pengurusan kawalan sistematik penyakit haiwan

untuk menjamin negara kekal bebas dari penyakit wajib lapor. Ia dapat membantu negara untuk mengambil langkah pencegahan, kawalan dan pembasmian penyakit dengan pantas dan berkesan. Secara tidak langsung ia menggambarkan ketelusan perkhidmatan veterinar negara dalam melaporkan dan pemantaun kejadian penyakit wajib lapor kepada OIE (*Office International des Epizooties*). Akhirnya dan tidak kurang penting ialah, ia memperkasakan perkhidmatan daerah sebagai agensi yang paling dekat dalam menguruskan perkhidmatan kesihatan dalam sesebuah perkhidmatan veterinar negeri.

Setakat ini, terdapat 13 penyakit dalam Program Kawalan dan Pembasmian Penyakit seperti ND, VRE, FMD, Johnes, Tuberculosis, HPAI, Nipah, Swine Fever, Pullorum, Avian Salmonellosis, Brucellosis, FMD dan Rabies. Semoga dengan penerbitan Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia ini dapat memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan dan kawalan serta pembasmian penyakit. Maka dengan ini diarah semua penguasa veterinar untuk mematuhi Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia untuk Indeks Penyakit.



Dato' Dr. Abd. Aziz Jamaluddin
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan

1.0 Pengenalan

Pengurusan penyakit haiwan mengikut sistem Indeks Penyakit haiwan merupakan satu sistem pelaporan dan pengurusan penyakit haiwan bagi tujuan 1) mengawal dan membasmi sesuatu penyakit dan 2) mengawal pemindahan ternakan / haiwan dengan lebih tersusun dalam sesebuah negeri.

Indeks Penyakit merujuk kepada lokasi kes penyakit yang berkaitan dengan populasi haiwan dan maklumat penyakit yang menular. Ia merekodkan pengesahan, perkembangan penyakit dan langkah kawalan penyakit sehingga sesuatu lokasi itu mencapai status bebas semula.

Selain itu ia memberi maklumat epidemiologi penyakit termasuk surveilan dan faktor-faktor risiko kejadian sesuatu penyakit itu.

2.0 Skop

Arahan Prosidur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) bagi Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan meliputi aspek:

2.1 Arahan

- 2.1.1 Arahan am
- 2.1.2 Arahan Pengurusan Indeks Penyakit

2.2 Prosidur

- 2.2.1 Pelaporan Penyakit
- 2.2.2 Pengesahan Indeks Penyakit
- 2.2.3 Penetapan status Indeks Penyakit
- 2.2.4 Penutupan Indeks Penyakit

3.0 Definisi

3.1 Data Rujukan-Geo

Georeferencing Data; Data yang mengandungi bacaan latitud dan longitud ataupun rujukan grid yang menentukan kedudukan sesuatu titik dalam ruang fizikal.

3.2 Indeks Penyakit

Satu kawasan penyakit setempat atau tapak utama bagi sesuatu penyakit am atau jangkitan. Empat elemen penting dalam indeks ini ialah lokasi, haiwan, penyakit dan masa.

3.3 Kejadian Kes Penyakit

Kes Penyakit yang terjadi dalam sesuatu kelompok haiwan dalam sesuatu masa tertentu yang mempunyai hubungan epidemiologi iaitu risiko pendedahan kepada patogen, berkongsi persekitaran dan pengurusan yang sama.

3.4 Kes Penyakit

Haiwan individu yang dijangkiti oleh agen patogenik dengan atau tanpa tanda-tanda klinikal jangkitan.

3.5 Kod Warna Indeks Penyakit Haiwan

Sistem klasifikasi status **Indeks Penyakit** (IP) haiwan mengikut warna iaitu kelabu, merah, kuning, hijau dan putih.

3.6 Makmal

Institusi yang diiktiraf dan diberi kuasa menjalankan

pemeriksaan dan ujikaji diagnostik dan pengesanan penyakit.

3.7 Pegawai Kes

Pegawai bertanggungjawab ke atas satu-satu Indeks Penyakit dan yang dilantik untuk mengurus, menyelaraskan dan/atau menjalankan langkah kawalan penyakit, dan memantau status **Indeks Penyakit**. Pegawai ini boleh terdiri dari PPV, PPN, PPSZ, PV atau mana-mana anggota perkhidmatan yang dilantik mengikut kesesuaian.

3.8 Pegawai Perkhidmatan Veterinar (PPV)

Penguasa Veterinar yang dilantik secara rasmi dan diberi kuasa bagi menjalankan, melaksanakan tugas bagi pihak Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri di bawah Akta Binatang 1953.

3.9 Penyelaras ADIC

Pegawai yang dilantik dan bertanggungjawab untuk pengurusan pengkalan data dan **Indeks Penyakit** haiwan.

3.10 Premis

Tempat, kandang, reban, kawasan atau rumah dimana haiwan di tempatkan, atau diletakkan secara sementara atau tetap.

3.11 Premis Bahaya Jangkitan

Premis yang berjiran / berdekatan / sekeliling dengan

Premis Jangkitan yang berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan. Jarak radiusnya ditentukan mengikut sesuatu penyakit.

3.12 Premis Jangkitan (*Infected Premise*).

Premis Kes Penyakit

3.13 Program Pencegahan, Kawalan Dan Pembasmian Penyakit Kebangsaan

Program Kawalan Dan Pembasmian Kebangsaan yang diberi keutamaan dari aspek perdagangan, produktiviti dan kesihatan awam. Penyakit-penyakit zoonotik yang perlu diberi perhatian adalah penyakit kuku dan mulut (FMD), Bruselosis, Johnes, Tubercullosis, Swine Fever, Nipah, Newcastle Disease, Avian Salmonellosis, Vancomycin resistant enterococcus (VRE), Highly Pathogenic Influenza, Rabies dan Pullorum.

(lihat juga *Protokol Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan, 2003*).

3.14 Survelan

Aktiviti pengumpulan, penyusunan dan analisis maklumat yang sistematik dan berterusan berkaitan kesihatan haiwan dan seterusnya penyebaran maklumat yang tepat dan mengikut masa bagi tindakan susulan.

3.15 Zon

Sesuatu kawasan atau wilayah yang ditentukan dengan jelas kumpulan haiwan dengan taraf kesihatan yang spesifik.

3.16 Zon Bahaya Jangkitan

Kawasan yang berhampiran diluar **Zon Jangkitan**.

3.17 Zon Jangkitan

Zon yang merangkumi **Premis Jangkitan** dan **Premis Bahaya Jangkitan**.

4.0 Kata Singkatan

- ADIC** - *Animal Disease Information Centre*; Pusat Maklumat Penyakit Haiwan di bawah Seksyen Epidemiologi dan Survelan; Bahagian Pengurusan Biosekuriti Dan SPS, Ibupejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.
- EpiS** - Seksyen Epidemiologi dan Survelan; Bahagian Pengurusan Biosekuriti Dan SPS, Ibupejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.
- GIS** - *Geographical Information System*; Sistem Maklumat Geografi. Ia adalah satu yang mengumpul, menyimpan, menganalisa dan menghasilkan maklumat spatial secara elektronik.
- GPS** - *Global Positioning System*; Sistem Kedudukan Global. Satu sistem navigasi radio untuk menentukan lokasi dengan tepat.
- IP** - Indeks Penyakit
- OIE** - *Office Internationale des Epizooties*; *World Organisation for Animal Health*. Badan Kesihatan Haiwan seDunia.

- PPSZ** - Pegawai Penyelaras Survelan Zon
- PPV** - Pegawai Perkhidmatan Veterinar
- PSN** - Pegawai Survelan Negeri
- PWL** - **Penyakit Wajib Lapor.** Penyakit yang telah diwartakan dalam Akta Binatang 1953 perkara 31(1). (sila rujuk juga Buku Penyakit Wajib Lapor, 2008).
- SAMPAI** - **Sistem Amaran Penyakit Haiwan.** Sistem pelaporan masa sebenar (*real time*) **Kes Penyakit** haiwan secara telekomunikasi melalui sistem pesanan ringkas berpandukan *GPS*.

5.0 Arahan

5.1 Arahan Am

Semua kejadian kes penyakit haiwan hendaklah dilaporkan kepada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri melalui Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar dan seterusnya kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar melalui ADIC. Kejadian kes penyakit meliputi :

- 5.1.1** Semua kejadian **PWL (Lampiran 1)**,
- 5.1.2** Semua kematian haiwan yang melebihi dari kebiasaan (**Lampiran 2**) ; atau
- 5.1.3** Semua petanda/gejala **penyakit berjangkit** yang berkaitan dengan :

- 5.1.3.1 Pernafasan
- 5.1.3.2 Sistem saraf (contoh agresif, garang, hilang keseimbangan, tortikolis)
- 5.1.3.3 Anorexia yang tidak diketahui sebabnya (contoh makanan tidak habis)
- 5.1.3.4 Kemerosotan kadar parameter pengeluaran (contoh pengeluaran susu, telur, berat badan) dengan drastik
- 5.1.3.5 Lesi vesikular (contoh melepuh kulit mulut atau lidah, cacar)
- 5.1.3.6 Cirit birit
- 5.1.3.7 Keguguran

5.2 Arahan Pengurusan Indeks Penyakit

- 5.2.1 Setiap IP yang disahkan hendaklah di pantau status penyakitnya sehingga bebas.
- 5.2.2 Langkah kawalan penyakit kepada setiap IP hendaklah diambil serta-merta.
- 5.2.3 Langkah kawalan dan pembasmian penyakit yang diambil hendaklah berpandu kepada *Protokol Veterinar Malaysia (PVM)* bagi penyakit yang berkenaan
- 5.2.4 Langkah kawalan dan pembasmian penyakit adalah seperti berikut :
 - 5.2.4.1 Respons – rawatan, pengasingan/kuarantin, dimusnah, sembelih, sucihama

5.2.4.2 *Kawalan pemindahan haiwan*-mengadakan sekatan jalanraya, tiada permit pemindahan ternakan dikeluarkan ; menyita premis jangkitan

5.2.4.3 *Pemvaksinan secara strategik*

5.2.4.4 *Survelan risiko penyakit*

5.2.4.5 *Kesedaran Awam*

5.2.5 Setiap maklumat aktiviti kawalan penyakit tersebut hendaklah di rekodkan melalui Borang Laporan Indeks Penyakit (**EpiS06**).

6.0 Prosedur

6.1 Pelaporan Penyakit

6.1.1 Apabila menerima aduan atau laporan dari mana mana sumber mengenai sesuatu Kejadian Kes Penyakit, Pegawai Perkhidmatan Veterinar (PPV) hendaklah melaporkan kepada Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri.

6.1.2 Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri hendaklah mengarahkan dan / atau menjalankan siasatan dan pengesahan penyakit tersebut.

6.1.3 Setelah kejadian kes penyakit disahkan, Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri hendaklah;

- 6.1.3.1 Melaporkan kepada Pengarah Perkhidmatan Negeri;
- 6.1.3.2 Melaporkan kepada ADIC melalui
 - 6.1.3.2.1 SAMPAL bagi tujuan amaran awal (Lihat *Manual SAMPAL*)
 - 6.1.3.2.2 Borang Laporan Kejadian Penyakit (BLKP) dengan kadar segera (**Lampiran 3**).
- 6.1.3.3 Menetapkan seorang **Pegawai Kes**
 - 6.1.3.3.1 yang akan bertanggungjawab ke atas pengurusan dan penyelarasan langkah kawalan penyakit seperti **5.2.4**
 - 6.1.3.3.2 Mendapatkan dan menyelaraskan perkhidmatan teknikal dan pakar bagi mengurus indeks tersebut, bilamana sesuai.
- 6.1.4 Pegawai **Penyelaras ADIC** hendaklah melaporkan kejadian kes penyakit kepada Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS (BPSPS) untuk tindakan selanjutnya kepada Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar) dan/atau Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, yang mana sesuai.

6.2 Pengesahan Indeks Penyakit

Pegawai **Penyelaras ADIC** hendaklah mendaftar dan

merekodkan semua laporan kejadian penyakit haiwan yang diterima ke dalam pengkalan data.

6.2.1 Bidang maklumat sistem **IP** adalah seperti berikut:

- Bacaan **GPS**
- No. **IP** 0000/00 [bilangan/tahun]
- Tarikh
- Maklumat Pemilik
- Maklumat Ternakan
- Maklumat Penyakit
- Maklumat langkah-langkah Kawalan Penyakit
- Maklumat Pelapor

6.2.2 Bagi tujuan pemetaan, data **IP** hendaklah dieksport ke dalam sistem **GIS**. Klasifikasi **zon** dan **premis** bagi setiap **IP** terdapat dalam **Lampiran 4. Data Rujukan Geo** di dalam **IP** adalah seperti berikut:

- Titik **IP**
- Negeri
- Daerah
- Mukim
- Kampung
- Populasi Ternakan mengikut mukim
- Pendaftaran permis

6.2.3 Setiap **IP** akan diberikan kod warna mengikut status **Kes Penyakit** itu.

6.3 Penetapan Status Indeks Penyakit

6.3.1 Satu laporan kejadian **kes penyakit** yang diterima tetapi belum disahkan diagnosisnya akan dilakarkan sebagai "KELABU" i.e. *IP-Belum Sah* (Lihat **Lampiran 5**)

- 6.3.2 Diagnosis **IP** disahkan secara penyiasatan epidemiologi dan/atau laporan pemeriksaan makmal
- 6.3.3 **Penyelaras ADIC** akan mengaktifkan fail bagi **IP** tersebut dan melakarkan status **IP** sebagai "MERAH" i.e. *IP-Aktif*  IP-Merah
- 6.3.4 **Pegawai kes** berkaitan dengan IP tersebut perlu menyelaras dan/atau menjalankan langkah kawalan dan pembasmian penyakit sebagaimana yang telah dijadualkan. (lihat juga **5.2.4**)
- 6.3.5 Seterusnya **Pegawai Kes** melaporkan kemajuan setiap tindakan tersebut kepada Ketua Bahagian Kesihatan Negeri dan **Penyelaras ADIC**.
- 6.3.6 Setelah langkah kawalan penyakit termasuklah surveilan dijalankan dan memenuhi syarat yang ditentukan;
- 6.3.6.1 Tarikh akhir kes klinikal dikesan perlu di rekodkan,
- 6.3.6.2 **Pegawai Kes** yang berkaitan akan mengembalikan Borang Laporan Indeks Penyakit (**EpiS 06; Lampiran 6**) yang telah di lengkapkan; secara elektronik atau pos kepada **Penyelaras ADIC**.
- 6.3.7 Pegawai **Penyelaras ADIC** akan menukar status **IP** kepada "KUNING" i.e. *IP-Kawalan*.  IP-Kuning
- 6.3.8 Aktiviti surveilan aktif mestilah mengikuti samada **Protokol Veterinar Malaysia** atau **kod Terrestrial OIE**,

bagi penyakit berkenaan. Sesuatu aktiviti surveilan aktif **IP** adalah dalam jangkamasa sekurang-kurangnya dua kali ganda masa inkubasi penyakit dan;

6.3.9 Apabila didapati tiada lagi tanda-tanda klinikal dan/ atau keputusan pemeriksaan **makmal**; yang mana sesuai dan didapati negatif maka;

6.3.9.1 Pegawai **Penyelaras ADIC** akan menukar status **IP** kepada "HIJAU" i.e. **IP-Pulih**.

IP-Hijau ●

6.4 Penutupan Indeks

Apabila **kejadian kes penyakit** di kawasan tersebut telah dibasmi secara menyeluruh seperti perkara (6.3.9) dan telah mematuhi spesifikasi protokol **Protokol Veterinar Malaysia** atau **kod Terrestrial OIE** maka,

6.4.1 Pegawai **EpiS, PPSZ** atau **PSN** yang dilantik akan menjalankan **survelan aktif** bagi penentuan indeks bebas penyakit, bila mana perlu.

6.4.2 **Penyelaras ADIC** hendaklah memanggil satu mesyuarat Jawatakuasa Indeks Penyakit (JIP) bagi mengesyorkan **IP Pulih**. Ahli jawatankuasa mesyuarat JIP adalah seperti di **Lampiran 7**.


6.4.3 Setelah mendapat persetujuan perkara (6.4.2), **Penyelaras ADIC** menukar status **IP** tersebut kepada "PUTIH" i.e. **IP-Bebas**.

IP-Putih ○

6.4.4 Pihak berkuasa Veterinar daerah dan negeri boleh membenarkan aktiviti berkaitan pemindahan ternakan di dalam, dari dan keluar dari Kawasan **IP** tersebut berjalan seperti biasa.

6.4.5 Fail **IP** ditutup.

Gambarajah 1 : Carta Allran Kerja Pengurusan Umum Indeks Penyakit



SENARAI PENYAKIT WAJIB LAPOR

1. African horse sickness
2. African swine fever
3. Anaplasmosis
4. Anthrax
5. Atrophic rhinitis
6. Aujeszky's disease (Pseudorabies)
7. Avian chlamydiosis (Psittacosis-Ornithosis)
8. Avian encephalomyelitis
9. Avian infectious bronchitis
10. Avian leucosis
11. Avian mycoplasmosis
12. Avian salmonellosis
13. Avian spirochaetosis
14. Babesiosis
15. Blackleg
16. Blackquater
17. Bluetongue
18. Botulism
19. Bovine leukosis (Enzootic bovine leukosis)
20. Bovine spongiform encephalopathy (BSE)
21. Bovine viral diarrhea
22. Brucellosis
23. Campylobacteriosis
24. Caseous lymphadenitis
25. Classical swine fever
26. Colibacillosis
27. Contagious agalactia
28. Contagious bovine pleuropneumonia
29. Contagious caprine pleuropneumonia
30. Contagious equine metritis
31. Contagious ophthalmia
32. Contagious pustular dermatitis
33. Cysticercosis

34. Dermatophilosis
35. Dourine
36. Duck virus enteritis
37. Duck virus hepatitis
38. Eastern equine encephalomyelitis
39. Ebola disease
40. Echinococcosis
41. Enterotoxaemia
42. Enterovirus encephalomyelitis
43. Epizootic Lymphangitis
44. Equine coital exanthema
45. Equine encephalomyelitis
46. Equine herpes virus (Type 1 & 4)
47. Equine infectious anemia
48. Equine piroplasmosis
49. Equine rhinopneumonitis
50. Equine influenza
51. Equine viral arteritis
52. Foot and mouth disease
53. Foot-rot
54. Fowl cholera
55. Fowl pox
56. Fowl typhoid
57. Glanders and farcy
58. Goat pox
59. Hanta virus disease
60. Haemorrhagic septicaemia
61. Heartwater disease
62. Hendra virus disease
63. Highly pathogenic avian influenza (Fowl plague)
64. Horse mange
65. Horse pox
66. Ibaraki disease
67. Infectious bovine rhinotracheitis
68. Infectious bursal disease (Gumboro disease)

69. Infectious coryza
70. Infectious laryngotracheitis
71. Japanese encephalitis
72. Jembrana
73. Johne's (Paratuberculosis)
74. Leishmaniosis
75. Leptospirosis
76. Listeriosis
77. Lumpy skin disease
78. Maedi-visna
79. Malignant Catarrhal Fever
80. Marburg disease
81. Marek's disease
82. Melioidosis
83. Myxomatosis
84. Nairobi sheep disease
85. New world screwworm
86. Newcastle disease
87. Nipah virus disease (Viral encephalitis)
88. Old world screwworm
89. Ovine chlamydiosis
90. Peste des petits ruminants
91. Porcine cysticercosis
92. Porcine dermatitis and nephritis syndrome (PDNS)
93. Porcine reproductive and respiratory syndrome (PRRS)
94. Post weaning multisystemic syndrome (PMWS)
95. Pullorum disease
96. Pulmonary adenomatosis
97. Q fever
98. Rabbit haemorrhagic disease
99. Rabies
100. Rift Valley fever
101. Rinderpest
102. Salmonellosis
103. Scrapie

104. Sheep mange
105. Sheep pox
106. Strangles
107. Streptococcosis
108. Surra
109. Swine erysipelas
110. Swine vesicular disease
111. Theileriosis
112. Toxoplasmosis
113. Transmissible gastroenteritis
114. Trichinellosis
115. Trichomonosis
116. Tuberculosis
117. Tularaemia
118. Ulcerative lymphangitis
119. Venezuelan equine encephalitis
120. Vesicular stomatitis
121. Vibriosis
122. West Nile fever
123. Western equine encephalomyelitis
124. Yersiniosis

Lampiran 2

Panduan 'kematian melebihi kebiasaan' dalam sesuatu gerompok atau premis, yang mana berkaitan wajib dilaporkan mengikut jenis haiwan.

Bil	Jenis Haiwan	Kematian (bilangan/Peratus)
1	Lembu	Melebihi 3 ekor sehari
2	Kerbau	Melebihi 3 ekor sehari
3	Kambing/bebiri	Melebihi 3 ekor sehari
4	Babi	Melebihi 5 ekor sehari
5	Ayam/Itik komersial	Melebihi 1% dari populasi dalam sehari
6	Ayam/Itik kampung	Melebihi 50% dari populasi dalam sehari
7	Anjing	Melebihi 3 ekor sehari
8	Kucing	Melebihi 3 ekor sehar
9	Burung Peliharaan	Melebihi 50% sehari
10	Kuda	Melebihi 2 ekor sehari
11	Haiwan Liar/zoo	Melebihi 2 ekor sehari

Lampiran 3

Epi5 01

No. Indek Penyakit:
Tarikh::


BORANG LAPORAN KEJADIAN PENYAKIT

Maklumat Tuanpunya Haiwan				
Nama Pentemak	:			
Alamat	:			
Kampung/Ladang	:			
Mukim	:	Daerah	:	
Negeri	:	Bacaan GPS ¹	:	
Terlibat dengan pemiagaan ternakan	:	(Ya/Tidak)	No. Telefon bimbit	:
Maklumat Ternakan				
Spesies		Baka	Umur	Jantina
Sistem penternakan berkandang atau beraban dan berpagar / lepas bebas		Status Vaksinasi / Pelarian (Jenis Vaksin/Tarikh disuntik)	Ternakan sakit dari dalam kawasan / luar kawasan	Jika datang dari luar kawasan, nyatakan dari mana
Maklumat Penyakit ²				
Bil. Populasi haiwan		Bil. sakit	Bil. mati	Bil. dimusnah
Tanda-tanda penyakit	:			
Tarikh tikesan oleh tuanpunya		Tarikh dilaporkan oleh tuanpunya	Tarikh siasatan awal	
Punca penyakit	:			
Diagnosis				
Penyakit disyaki	:			Diagnosis Pembedaan
Sampel dinantar ke Makmal	:			
Nama Makmal	:			
Kawalan Penyakit (Gunakan langkah kod Kawalan penyakit spt di Epi5 06)				
Tindakan kawalan awal:				
Maklumat Pegawai Kes (diantik oleh oleh Pegawai Veterinar Kesihatan Negeri)				
Nama	:	Jawatan	:	
Alamat tempat kerja	:			
No. Telefon bimbit	:			
Maklumat Pelapor				
Nama	:	Jawatan	:	
Alamat tempat kerja	:			
No. Telefon bimbit	:			

¹ (SET GPS UNTUK BERI BACAAN DALAM DEGREE DECIMAL EG. 102.56389;3.45679)

² NOTA : LAPORAN HENDAKLAH DIHANTAR KEPADA KETUA SEKSYEN EPIDEMIOLOGI DAN SURVELAN, IPPV, PUTRAJAYA DALAM MASA 24 JAM SELEPAS SIASATAN MELALUI FAK (03-8886472)

Lampiran 4



Gambarajah 2 : Contoh Indeks Penyakit (IP) dan klasifikasi zon/kawasan dan premis yang terkandung didalamnya

Lampiran 5

Jadual Klasifikasi Kod warna Indeks Penyakit

Kod Warna	Maksud
	<p>IP-Belum Sah: Terdapat laporan Kes Kejadian Penyakit. Penyakit dalam status disyaki dan diagnosis.</p>
Merah	<p>IP-Aktif: Diagnosis penyakit telah disahkan secara epidemiologi / laporan makmal. Fail IP dibuka/diaktifkan.</p>
Kuning	<p>IP-Kawalan: Langkah kawalan penyakit dijalankan, termasuk surveilan. Tarikh akhir kes klinikal dikesan direkodkan.</p>
Hijau	<p>IP-Pulih: Tiada lagi tanda-tanda klinikal, penemuan atau pengesanan patogen penyakit diperolehi.</p>
Putih	<p>IP-Bebas: Jawatakuasa Indeks Penyakit (JIP) mengesyorkan Indeks Penyakit Bebas. Fail IP ditutup.</p>

Lampiran 6

EPIS 06 (a)

RUJUKAN KAMI	
TARIKH	

BORANG LAPORAN INDEKS PENYAKIT

No Indeks Penyakit:	Dalam zon jangkitan/ kawasan/premis tejangkit (0km-1km)	Dalam kawasan/zon bahaya jangkitan (2km hingga 10 km)
Penyakit :		
1. Spesies ternakan		
2. Baka		
3. Umur		
4. Statistik/bilangan /populasi ternakan		
5. Bil. Gerompok/pentemak		
6. Jumlah bil. Ternakan		
A.Tindakan (Respons)		
7. Bil. Dirawat		
8. Bil. Dasingkan/kuarantin		
9. Bil. Dimusnah		
10. Bil. Ditembeih		
11. Bil. Premis yang didisinfeksi/dibasmikuman		
B. Kawalan pergerakan haiwan yang berisiko		
12. Bil. Permit pergerakan haiwan di keluarkan		
13. Kawalan pergerakan haiwan keluar masuk premis (Ya/Idak)		
14. Sekatan jalan raya (Ya/Idak)		
C. Vaksinasi		
15. Jenis vaksin		
16. Bil. Haiwan di vaksinasi		
17. Tarikh vaksinasi terkini		
D. Survelan/Saringan		
18. Tarikh survelan:		
19. Bil. Haiwan yang diperiksa:		
20. Bil. Tanda Klinikal		
21. Bil. Sampel diambil (jika ada):		
22. Jenis sampel yang diambil:		
23. Nama makmal yang dihantar:		
24. No. Rujukan makmal		
E. Kesedaran Awam		
25. Bil. Anggota diberi maklum		
26. Bil. Penternak yang terlibat dan ternakan mereka berisiko yang dimaklumkan		

Nama Pegawai Pelapor :

No. Telefon Bimbit :

Tarikh :

Untuk kegunaan Seksyen Epidemiologi dan Survelans

Tarikh Dihantar	
Penghantar	

Sila tandakan (/) bagi kotak berkenaan

**A.) Jadual Penemuan epidemiologi (punca wabak)/
Epidemiological findings (source of outbreak)**

UN	Punca tidak diketahui/ tidak pasti <i>Unknown or inconclusive cause.</i>	
ML	Kemasukkan ternakan baru / Perpindahan secara Sah <i>Introduction of new animals / legal movement</i>	
MI	Perpindahan ternakan secara tidak sah <i>Illegal movement of animals</i>	
MT	Ternakan dalam transit atau melalui kawasan/kampung <i>Animals in transit or passing through the village</i>	
G	Berhubung dengan ternakan jiran di lapangan <i>Contact with infected neighbour at grazing/watering</i>	
S	Dari Sisa Makanan <i>Swill feeding</i>	
F	Formit cth. Manusia, kenderaan, makanan <i>Fomites i.e. human, vehicles, feed etc</i>	

B) Jadual Langkah Kod Kawalan/

Table of Control Measure Codes

Q	Kuarantin/pengasingan kelompok yang terjangkit <i>Quarantine/isolation of groups of infected animals</i>	
REG	Isytihar kawasan sebagai "KAWASAN TERJANGKIT" di bawah peraturan Akta Binatang <i>Declare area as 'infected area' under vet. regulations</i>	
PA	Kesedaran awam <i>Public awareness</i>	
Tx	Khidmat nasihat merawat dan menjaga ternakan yang terjangkit <i>Advice on nursing infected animals</i>	
DIS	Basmikuman kawasan terjangkit <i>Disinfection of infected areas</i>	
RF	Kawal pergerakan fomit yang berpotensi <u>dari</u> kawasan wabak <i>Restrict movement of potential fomites from outbreak area</i>	
MOV	Pengurusan pergerakan ternakan <u>dalam</u> kawasan wabak <i>Animal movement management in outbreak area</i>	
DF	Basmikuman kenderaan dan lain-lain fomit <i>Disinfection of vehicles and other fomites (objects)</i>	

RV	"Vaksinasi Keliling" di sekitar kawasan wabak <i>Ring vaccination in surrounding area</i>	
PS	Cegah sembelih dan penjualan dari ternakan yang terjangkit <i>Prevent the slaughter and sale of meat from infected animals</i>	
DC	Pelupusan cadavers, alas kandang dan hasilan ternakan <i>Destruction of cadavers (bodies), litter and animal products</i>	
MV	Suntikan menyeluruh dalam kawasan wabak <i>Mass vaccination in outbreak area</i>	
RA	Perketatkan laluan ke dalam kawasan wabak <i>Restrict access to outbreak area</i>	
DEP	Takai haiwan yang mudahjangkit secara sementara <i>Temporary depopulation of susceptible species (stamping out)</i>	
DI	Musnahkan haiwan yang terjangkit <i>Destroy infected animals</i>	
DR	Musnahkan haiwan yang telah sembuh <i>Destruction of recovered animals</i>	
INV	Masih Dalam penyiasatan pihak berkuasa veterinar <i>Under an investigation of the veterinary authority</i>	

BIDANG TUGAS JAWATANKUASA INDEKS PENYAKIT

1. **Jawatankuasa Indeks Penyakit** akan membuat penelitian kelayakan **IP** tersebut pulih atau bebas, mengikut kriteria berikut,
 - i. Jika maklumat **IP** tidak menepati spesifikasi maka jawatankuasa ini hendaklah memberikan cadangan survelan lanjutan dan atau langkah kawalan penyakit yang perlu diambil.
 - ii. jika **IP** tersebut telah memenuhi spesifikasi maka Ahli Jawatankuasa boleh mengesyorkan **IP** pulih/bebas kepada Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti Dan SPS (BPSPS) untuk di perakukan.
2. Pengarah BPSPS akan memperakukan Indeks Bebas dengan mengeluarkan surat/sijil. Status indeks akan bertukar menjadi warna PUTIH.
3. **IP** Bebas boleh digunakan oleh Perkhidmatan Veterinar Negeri sebagai asas membenarkan permit pergerakan dan sebarang transaksi perdagangan ternakan/haiwan dari IP

AHLI JAWATANKUASA INDEKS PENYAKIT

Penasihat	Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti Dan SPS
Pengerusi	Ketua Seksyen Epidemiologi Dan Survelan
Ahli-ahli	Ketua Seksyen Zoonosis
	Ketua Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
	Ketua Unit Epidemiologi
	Ketua Unit Survelan

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN ARAHAN PROSIDUR KERJA
PENGURUSAN INDEKS PENYAKIT HAIWAN**

Penasihat : **Y.H. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria**
Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan
SPS

Disediakan oleh : **Dr. Azri bin Adzhar**
Seksyen Epidemiologi dan Survelan

Dr. Mohd Mokhtar bin Arshad
Seksyen Epidemiologi dan Survelan

Dr. Roosevien Farida Nilawati binti Rachmat
Seksyen Epidemiologi dan Survelan

PENGHARGAAN

- 1) Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam
- 2) Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import/Eksport
- 3) Seksyen Pemeriksaan Veterinar
- 4) Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
- 5) Unit Survelan, EpiS
- 6) Unit Epidemiologi, EpiS

Rujukan bersekali dengan APVTM ini ialah:

1. **Protokol Veterinar Malaysia**
2. **Protokol-Protokol Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan**, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia 2003.
3. **Kod Terrestrial OIE** boleh di capai di http://www.oie.int/eng/normes/mcode/en_sommaire.htm
4. **Akta Veterinar 1953**
5. **Penyakit Wajib Laporkan**, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, 2008